

20/11/1999

Kelantan medan Ku Li, Nik Aziz uji pengaruh

Nasir Hassan; Veena Rusli

DALAM suasana pilihan raya umum ke-10 ini, perhatian utama tetap diberikan di Kelantan. Jika ada persaingan, ia akan berlaku di negeri Che Siti Wan Kembang itu. Di negeri lain sama ada di Semenanjung, Sabah atau Sarawak, rasanya Barisan Nasional (BN) melalui jalan agak mudah.

Jika dianalisis di setiap kawasan yang akan ditandingi, tidak ada satu kawasan pun yang boleh dianggap terlalu sengit. Jika ada pun kawasan yang boleh dikategorikan sebagai 'menarik' ialah kawasan Parlimen Permatang Pauh kerana di kawasan itulah Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail mempertarungkan kerjaya politiknya.

Jika beliau gagal di Permatang Pauh, bermakna masa depan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang diterajuihnya akan berkubur. Di negeri lain, walaupun ada persaingan, ia adalah pertarungan biasa. Keadilan perlu mengakui mereka tidak mempunyai tokoh. Jika ada pun, kebanyakan mereka baru berusia setahun jagung dalam politik.

Persaingan di Kelantan agak menarik kerana di negeri ituah BN yang diterajui Umno, menghadapi cabaran sebenar. Pada malam 29 November ini rakyat akan mengetahui sama ada Kelantan kembali ke pangkuan BN atau terus berada dalam genggam Pas.

Persaingan antara Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah dan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat akan mewarnai suasana politik pada pilihan raya kali ini walaupun mereka bertarung di kawasan berbeza.

Tengku Razaleigh dan Nik Aziz sebelum ini berganding bahu menggagalkan usaha Barisan Nasional (BN) menawan Kelantan, namun pertempuran kali ini bakal menyaksikan mereka berdiri di landasan berbeza berikutan ideologi yang tidak lagi sehalu.

Jika dulu Pas begitu akrab dengan Parti Melayu Semangat 46 (S46) pimpinan Tengku Razaleigh, kini Pas bekerjasama pula dengan DAP selain Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) menerusi pakatan barisan alternatif.

Di Kelantan, Pas sedikit pun tidak memerlukan Keadilan, DAP atau PRM. Tetapi, disebabkan kerjasama sudah terjalin, barisan alternatif di Kelantan ada pada nama saja. Jika boleh, Pas mahu menjadi tuan di gelanggang yang disifatkan sebagai rumah sendiri.

Walaupun pelbagai isu nasional dan tempatan dibangkitkan, ramai berpendapat pilihan raya di Kelantan adalah pertarungan antara Tengku Razaleigh dan Nik Aziz.

Misi mengibar lambang dacing yang digalas Tengku Razaleigh dan lambang bulan putih yang dilaungkan Nik Aziz cenderung dikatakan bersifat peribadi. Pertarungan kali ini lebih kepada mengukur seutuh mana populariti mereka dapat mempengaruhi rakyat untuk mengizinkan salah seorang bertapak di Kelantan.

Di negeri itu, setiap kali umum membicarakan politik Kelantan, ibaratnya Nik Aziz adalah Pas manakala Pas adalah Nik Aziz.

Bagaimanapun, tanggapan sedemikian tidak mencuit hati Tengku Razaleigh, jauh sekali menimbulkan kebimbangan. Beliau tahu, populariti berlebihan boleh menghampakan dan itulah yang diharap berlaku kepada Pas kali ini. Tengku Razaleigh tetap keras bersuara dalam setiap ceramahnya.

"Bagi saya bilangan hadirin tidak penting. Kalau puluhan ribu yang datang tapi tak menyokong BN dan Umno, tak guna juga. Saya pentingkan kualiti, bukan kuantiti. Saya lebih senang berceramah di hadapan 100 atau

200 orang yang benar-benar menghargai perjuangan Umno daripada berdepan dengan lautan manusia yang tidak mengerti apa-apa," katanya.

Tengku Razaleigh memastikan apa yang perlu diberikan kepada rakyat adalah budi, bukan janji. Baginya, rakyat Kelantan sudah terlalu lama dibiarkan berpaut pada dahan rapuh ciptaan Pas yang tidak membawa apa-apa, melainkan harapan yang sukar dizahirkan.

Nik Aziz sendiri pernah mengakui sukar mentadbir Kelantan berikutan sumber kewangan terhad, lantas segalanya perlu dilakukan secara berjimat-cermat bagi mengimbangnya dengan peruntukan. Bertolak dari situ, pembangunan fizikal bukan sesuatu yang boleh dibanggakan selepas hampir sedekad Pas memerintah Kelantan.

Walaupun pembangunan bukan isu baru, Tengku Razaleigh yakin ia tetap mempunyai tempat di hati pengundi kerana kemampuan BN melaksanakannya akan mengubah corak dan taraf hidup rakyat, sekali gus berpotensi mengeluarkan Kelantan daripada belenggu kemiskinan yang dianggap sudah terlalu lama merantai kehidupan penduduknya.

Pemerhati politik menyifatkan pilihan raya umum kali ini adalah landasan terbaik bagi Tengku Razaleigh 'menebus dosanya' menentang Umno apabila menerajui usaha menubuhkan S46 pada 1988 dan seterusnya melangkah seiring Pas serta beberapa parti lain di bawah naungan Angkatan Perpaduan Ummah (Apu).

Angin perubahan yang dibawa Apu lebih mirip sebagai 'pukulan maut' dan keputusan pilihan raya umum 1990 menyaksikan mereka membolot semua 39 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 13 kerusi Parlimen. Semangat BN bagaimanapun pulih sedikit lima tahun berikutnya apabila berjaya 'mencuri' tujuh kerusi DUN dan dua kerusi Parlimen.

Walaupun S46 dibubarkan setahun selepas itu dan majoriti ahlinya menyertai Umno, pemerhati berpendapat Tengku Razaleigh masih perlu membuktikan kesungguhannya membantu BN menolak kepemimpinan Pas di Kelantan.

Sejak dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan pada penghujung Jun lalu menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelibat dan suara Tengku Razaleigh kembali menyemarakkan semangat penduduk negeri itu bagi mengembalikan nostalgia awal 1990-an.

Bezanya, kali ini beliau menjulang perjuangan Umno yang lebih berpijak di bumi nyata berbanding Pas yang sekadar memperalatkan agama bagi kepentingan politik.

Kembalinya Tengku Razaleigh sebagai antara orang kuat Umno Kelantan turut menyaksikan kemunculan semula penyokong generasi seangkatannya untuk sama-sama mengukuhkan tunjang perjuangan parti, selain mulai menarik perhatian pengundi atas pagar menghadiri majlis ceramah dan sesi penerangan bagi mendengar penjelasan beliau.

Nik Aziz dalam salah satu reaksinya berhubung kehadiran Tengku Razaleigh dalam senario politik Kelantan pernah berkata; "Kita (Pas) tak ada apa-apa. Kita pernah bersama dia (dalam Apu), kita tahu segala sepak terajang dia dan kita tak perlu risau apa-apa."

Pendapat itu bagaimanapun tidak dikongsi secara menyeluruh oleh ahli dan pemimpin Pas negeri. Malah, ada antara mereka menyifatkan Tengku Razaleigh mampu menjadi pemangkin terhadap kebangkitan semula Umno di Kelantan jika kena cara dan gayanya.

"Kekuatan Tengku Razaleigh adalah dari segi kemampuannya menggerakkan jentera parti secara teratur. Beliau bijak memanfaatkan pengajaran hasil pengalaman berganding seiring Pas.

"Tengku Razaleigh benar-benar memahami erti perjuangan politik dan harus diakui, cakupannya tetap laku di kalangan rakyat."

Menurut pemerhati, sikap Tengku Razaleigh yang tidak menjanjikan pulangan fizikal sebagai taktik meraih undi sesuatu yang disenangi rakyat.

Sebaliknya, tumpuan beliau lebih berpusat kepada perubahan lahiriah iaitu menumbangkan kepemimpinan Pas di Kelantan manakala agenda membawa projek itu dan ini "boleh difikirkan kemudian."

Natijahnya, di celah-celah 1.4 juta penduduk Kelantan dengan 649,369 pengundi berdaftar, percaturan di negeri itu pada pilihan raya umum kali ini sebenarnya lebih cenderung menjadi milik Tengku Razaleigh dan Nik Aziz bagi menentukan kekuatan sebenar mereka selaku tonggak parti yang diwakili.

Nik Aziz pula agak bercelaru kebelakangan ini. Terbaru ialah pengakuannya bahawa Pas memperalatkan al-Quran untuk kepentingan politik. Kenyataan beliau itu sekali gus mengesahkan dakwaan Umno selama ini Pas memperalatkan agama untuk kepentingan politik parti itu.

Itulah isu yang sering menjadi cemuhan pemimpin Umno. Sebelum ini pun beliau mengeluarkan kenyataan, agama tidak melarang berceramah politik dalam masjid. Malah, beliau pernah berhujah bahawa ceramah politik di padang sama dengan khutbah yang dibaca imam atau khatib di mimbar masjid. Agak sukar memahami maksud Nik Aziz jika beliau menyamakan kempen politik dengan berkhotbah di mimbar masjid.

Ketika menyampaikan ceramah di Pondok Kubang Bemban, Pasir Mas, malam kelmarin, Nik Aziz berkata, kononnya apa yang dilakukan Nabi Muhammad ketika mengembangkan pengaruh adalah sama dengan apa yang diperjuangkan parti itu untuk membawa manusia menuju jalan diredai Allah.

Apakah Nik Aziz mahu menyamakan dirinya seperti nabi. Lupakah beliau Nabi Muhammad menggunakan al-Quran untuk mengembangkan syiar Islam dan menarik masyarakat ketika itu memeluk Islam sedangkan Pas berkempen politik untuk memenangi pilihan raya.

Soalnya apakah perjuangan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad ketika itu, sama dengan apa yang diperjuangkan oleh Pas sekarang?

Benarkah Pas memperjuangkan politik mengikut dasar Islam sebenarnya? Apakah Nik Aziz dapat memastikan pengikutnya dan pegawai kerajaan negeri di bawah pentadbirannya, mengamalkan ajaran Islam sebagaimana dikehendakinya?

Pas masih perlu mentarbiyah ahli dan penyokongnya daripada terbawa-bawa sifat taksub kerana sikap itu menyebabkan mereka tidak boleh menerima sesuatu secara rasional dan terbuka.

Contohnya, mereka hendaklah mengakui sesuatu kebaikan yang dilakukan pihak lain walaupun bukan daripada golongannya. Mereka juga hendaklah mengakui sesuatu perkara yang tidak baik walaupun dilakukan oleh mereka.

Apa yang menimbulkan kebimbangan ialah Pas memperalatkan agama atau al-Quran untuk tujuan tidak baik bagi kepentingan peribadi sehingga menjejaskan kesuciannya.

(END)